

# Penyakit baling kerusi merebak

Mh.M. - 8 AUG 1993  
KUALA LUMPUR 7 Ogos  
— Presiden UMNO, Dato'  
Sri Dr. Mahathir Moha-  
mad nan **ini** berkata, "pe-  
nyakit baling membaling  
kerusi" yang pernah ber-  
laku dalam parti MIC  
sekarang sudah mula me-  
rebak ke dalam UMNO.

Berucap merasmikan  
Perhimpunan Agung MIC  
di sini hari ini, beliau  
berkata, dahulu lianya  
parti MIC sahaja yang  
mengalami masalah itu  
dalam mesyuaratnya.

"Sebenarnya penyakit  
MIC **ini** telah merebak ke  
dalam UMNO sekarang,"  
kata Dr. Mahathir sambil  
disambut dengan gelak  
ketawa oleh kira-kira  
2,000 orang perwakilan  
MIC di perhimpunan ter-  
sebut.

## Mengubati

Sambil berseloroh Per-  
dana Menteri berkata,  
MIC telah berjaya meng-  
ubati "penyakit baling  
membaling kerusi" deng-  
an memindahkannya ke-  
pada UMNO.

"Tetapi saya yakin  
UMNO pasti akan dapat  
mengubati penyakit ini,"  
kata beliau.

Ketika diminta mengu-  
las perkara yang sama  
pada sidang akhbar sele-  
pas upacara perasmian  
itu, Dr. Mahathir menge-  
sahkan beliau ada mene-  
rima laporan kejadian  
"baling membaling keru-  
dalam mesyuarat  
& N O .